

## Transformasi Modal Insan melalui Peningkatan Pendidikan: Kajian Kes Komuniti Orang Asli di Cameron Highlands, Pahang

*Human Capital Transformation through Education: Case Study of the Orang Asli Community in Cameron Highlands, Pahang*

Doris Padmini Selvaratnam  
Abdul Hamid Jaafar  
Norlida Hanim Mohd Salleh  
Redzuan Othman  
Siti Hajar Idris  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### ABSTRAK

Pendidikan merupakan elemen penting dalam peningkatan pertumbuhan ekonomi negara. Pendidikan dapat meningkatkan ilmu dan menjurus kepada peningkatan skil. Kelahiran pekerja skil rendah, skil sederhana dan skil tinggi penting dalam perekonomian yang berorientasi pembuatan dan perkhidmatan. Semakin tambahnya graduan lulusan pengajian tinggi juga dapat meningkatkan produktiviti dan pertumbuhan ekonomi negara. Namun demikian ternyata peningkatan pekerja berpendidikan dan berskil tidak konsisten dalam semua etnik di Malaysia. Etnik minoriti Orang Asli yang kebanyakannya tinggal di kawasan tanah tinggi atau di kawasan pedalaman cenderung mempunyai kadar keciciran yang tinggi dalam setiap peringkat pendidikan. Jika usaha kerajaan untuk mentransformasi modal insan melalui pendidikan merealisasi maka kadar keciciran dalam kalangan Orang Asli perlu diturunkan. Kertas kerja ini berdasarkan penyelidikan lapangan yang telah dijalankan di perkampungan Orang Asli di Kg Sungai Ruil, Kg Sungai Cheros, Kg Leyer, Kg Pos Menson, Kg Kuala Boh, Kg Sg Ubi dan Kg Bertam, Cameron Highlands, Pahang. Kertas kerja ini akan membincangkan daptan hasil kajian lapangan bersama dengan data sekunder yang sedia ada. Penulis juga menggariskan beberapa cadangan untuk meningkatkan tahap pendidikan dan skil dalam kalangan Orang Asli, khususnya di kawasan kajian Cameron Highlands.

**Kata kunci:** Orang Asli, transformasi modal insan, pendidikan, Cameron Highlands

### ABSTRACT

*Education is an importnt element in boosting the growth of an economy. Education can enhance knowledge and lead towards skill enhancement. Creation of low skill, moderate skill and high skilled workers in an economy that is oriented towards manufacturing and services sector. Increase in number of graduates can also help to increase the productivity and growth the nation's economy. Nevertheless the increase in the number of educated and skilled workers is not consistent among all ethnic groups in Malaysia. There is a high level of dropout at all levels of education among the minority Orang Asli ethnic that live in highlands or in the rural areas in Peninsular Malaysia. If the objective of the government to transform the human capital through education then the drop out level among the Orang Asli community has to be lowered. This paper is based on field research in the Orang Asli villages in Kg Sungai Ruil, Kg Sungai Cheros, Kg Leyer, Kg Pos Menson, Kg Kuala Boh, Kg Sg Ubi and Kg Bertam, Cameron Highlands, Pahang. The paper discusses the findings of the field research and also relevant available secondary data. Authors also outline several suggestions to increase the level of education and skills among the Orang Asli, especially in Cameron Highlands.*

**Key words:** Orang Asli, human capital transformation, education, Cameron Highlands

## **PENGENALAN**

Pembangunan di Malaysia semakin menyerlah dalam pelbagai aspek seperti dari segi struktur ekonomi, sosial dan politik. Peningkatan pencapaian pendidikan yang semakin memberansangkan pula merupakan satu kriteria penting dalam menyediakan tenaga kerja mahir dan separuh mahir. Prestasi cemerlang dalam akademik merupakan kayu ukur kejayaan seseorang dan diiringi dengan pembukaan peluang-peluang pekerjaan yang bergaji lebih tinggi. Namun demikian, pencapaian ini tidaklah merata untuk semua etnik dalam masyarakat.

Menurut Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), YB Datuk Seri Shafie Apdal (2011) seramai 2,254 kanak-kanak Orang Asli tidak menghabiskan pendidikan sekolah menengah, sementara seramai 1,270 menyelesaikan pendidikan sehingga Tahun Enam sekolah rendah sahaja. Beliau berharap JAKOA menurunkan lagi kadar keciciran kepada 24 peratus pada tahun 2011, khususnya dengan kewujudan program K-9 di Hinai (Pekan, Pahang), Gua Musang (Kelantan) dan Grik (Perak). Terdapat seramai 46,235 kanak-kanak Orang Asli yang sedang mengikuti pendidikan di peringkat tadika, sekolah rendah, sekolah menengah dan tahap pengajian tinggi. (ERA, 2011)

YAB Dato Sri Mohd Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia, dalam ucapannya semasa majlis Pecah Tanah di tapak pembinaan sekolah rendah di Kampung Orang Asli Simpai, Pekan, Pahang, beliau menyatakan bahawa terdapat tiga kunci utama untuk mengatasi fenomena keciciran dalam kalangan Orang Asli, iaitu (Buletin ASLI , 2011):

1. Sekolah perlu dibina berdekatan dengan perkampungan Orang Asli;
2. Sekolah perlu dilengkapi dengan sumber tenaga guru yang berdedikasi dan memiliki komitmen tinggi dalam bidang pendidikan; dan
3. Ibu bapa perlu mendorong kejayaan akademik anak-anak mereka.

Namun demikian, tidak semua perkampungan Orang Asli mempunyai persekolahan dekat dengan penempatan mereka. Jika kedudukan sekolah jauh di kawasan pedalaman, akan wujud pula kesukaran mendapat tenaga guru yang dapat mengisi kekosongan tersebut.

## **KEDUDUKAN ORANG ASLI**

Orang Asli ialah penduduk terawal yang mendiami Semenanjung Tanah Melayu. Masyarakat Orang Asli di Malaysia dibahagikan kepada tiga kumpulan yang terbesar iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Asli. Setiap satu kumpulan ini dipecahkan lagi kepada 18 suku kaum yang lebih kecil. Pecahan ini dibuat berdasarkan perbezaan asal usul, tutur bahasa dan juga rupa bentuk fizikal mereka. Mereka merupakan sebuah masyarakat yang unik, kaya dengan kebudayaan dan amalan tradisi mereka yang tersendiri. Memahami dan menghayati cara hidup mereka adalah perlu kerana mereka juga sebahagian daripada rakyat Negara ini yang berhak untuk hidup selesa tanpa perlu dipandang rendah.

Sejak dari zaman sebelum merdeka lagi, kehidupan mereka yang unik telah menjadi tumpuan para pengkaji tumpuan para pengkaji terutama pengkaji dari barat. Pihak kerajaan telah mewujudkan satu jabatan khas untuk menjaga hal ehwal Orang Asli. Jabatan yang diberi nama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) yang dulunya dikenali sebagai Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEAO) menjadi payung kepada masyarakat Orang Asli selama ini. Peranan jabatan ini adalah untuk menjaga kebijakan Orang Asli sepenuhnya. Mereka menyediakan kemudahan asas seperti rumah baru, bekalan enjin kuasa (generator), menguruskan saluran bekalan air, sekolah, balai raya, surau, menyediakan elauan sara hidup untuk setiap keluarga dan banyak lagi kemudahan semasa yang menjadi keperluan masyarakat istimewa ini.

Kebanyakan daripada mereka tinggal di hutan belantara dan tanah-tanah tinggi di antara 2000 hingga 6000 kaki dari paras laut. Terdapat 40% daripada mereka tinggal di tanah rendah dan persisiran pantai. Secara tradisi, Orang Asli hidup dalam kumpulan-kumpulan kecil yang terdiri dari 10 hingga 50 kelamin. Walaupun ada sebahagian daripada mereka yang masih hidup secara berpindah randah tetapi 80%-90% sudah pun menetap di kampung-kampung.

## **PENDIDIKAN ORANG ASLI**

Pencapaian pendidikan Orang Asli dalam tempoh 1980, 1991 dan 2000 ditunjukkan oleh Jadual 1.

JADUAL 1: Tahap Pendidikan Orang Asli di Malaysia, 1980, 1991 dan 2000 (%)

Pencapaian	Jumlah			Lelaki			Perempuan		
	1980	1991	2000	1980	1991	2000	1980	1991	2000
Tiada Pendidikan Formal	66.4	51.4	39.2	61.2	46.3	35.3	72.0	56.6	43.2
Sekolah Rendah	27.3	37.8	44.5	30.6	41.7	47.6	23.6	33.8	41.3
Sekolah Menengah Rendah	4.6	7.8	11.3	5.7	8.7	12.2	3.4	6.8	10.3
Sekolah Menengah Atas	1.2	2.4	4.2	1.7	2.6	4.1	0.8	2.1	4.3
Tertiari	0.5	0.6	0.8	0.7	0.7	0.8	0.3	0.6	0.9
Jumlah	100	100	100	100	100	100	100	100	100

Sumber: Data Banci 1980-2000 Profil Masyarakat Orang Asli Semenanjung Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 1 menunjukkan bahawa peratus Orang Asli yang tiada pendidikan formal semakin menurun dari tahun 1980 hingga 2000. Sementara, peratus penyertaan dalam sekolah rendah, sekolah menengah rendah, sekolah menengah atas dan tahap tertiary semakin meningkat. Tahap pendidikan secara keseluruhannya lebih baik dalam kalangan lelaki berbanding dengan perempuan pada semua tahap kecuali pada tahap sekolah menengah atas dan peringkat tertiar.

Jadual 3, Jadual 4 dan Jadual 5 menunjukkan enrolmen Orang Asli di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah (rendah dan atas) serta tertiar.

JADUAL 2: Enrolmen Orang Asli di Sekolah Rendah, 2000 - 2007

Year	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4	Tahun 5	Tahun 6	Jumlah
2000	3819	3817	3809	3611	3504	3144	21704
2001	3729	3775	3635	3459	3424	2849	20871
2002	3876	3827	3834	3674	3554	3333	22098
2003	4226	4354	4012	3820	3827	3368	23607
2004	4225	4535	4598	4258	4012	3726	25354
2005	4190	4537	4852	4564	4244	3853	26240
2006	3860	4315	4725	4719	4746	4099	26464
2007	4776	4088	4416	4576	4543	4392	26791

Sumber: Data Maklumat Asas JHEOA,2007

Daripada Jadual 2 di atas, dapat dilihat bahawa pada setiap tahap sekolah rendah terdapat kanak-kanak Orang Asli yang tercicir yang tidak meneruskan pendidikan mereka untuk tahap berikutnya. Kadar kecinciran paling ketara apabila beralih daripada Tahun 5 kepada Tahun 6. Ini mungkin disebabkan adanya peperiksaan UPSR yang menyebabkan murid-murid menjadi takut menghadapinya dan terus keluar daripada alam persekolahan atau kos-kos perbelanjaan di sekolah pada peringkat ini yang menjadi beban kepada ibu bapa yang tidak dapat ditanggung dan memilih tidak menghantar anak ke sekolah.

JADUAL 3: Enrolmen Orang Asli di Sekolah Menengah, 2000 – 2007

Tahun	LS1	LS2	LS 3	US4	US5	US6	Jumlah
2000	2075	1442	1052	799	581	17	5966
2001	1659	1280	993	722	573	12	5239
2002	1882	1464	1196	938	717	23	6220
2003	1869	1592	1273	1083	815	43	6675
2004	2261	1787	1401	1095	941	69	7554
2005	2358	2164	1680	1223	964	99	8488
2006	2531	2076	1694	1316	1011	91	8719
2007	2685	2306	1861	1464	1183	101	9600

Note: LS – Sekolah Menengah Rendah, US – Sekolah Menengah Atas

Sumber: Data Maklumat Asas JHEOA, 2007

Jadual 3 menunjukkan bahawa tidak semua murid-murid yang tamat Tahun 6 di peringkat sekolah rendah memasuki sekolah menengah rendah. Walaupun pada setiap tahap sekolah menengah terdapat peningkatan jumlah murid-murid Orang Asli, namun demikian, jumlah yang menyambung ke tahap berikutnya semakin berkurangan menunjukkan *exit* atau keciciran Orang Asli daripada alam persekolahan sehingga akhirnya jumlah yang menduduki peperiksaan STPM dan memasuki IPT juga menjadi kurang daripada 100 orang.

**JADUAL 4: Graduan Orang Asli di Peringkat IPT, 2000 - 2007**

	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	Jumlah
UM	7	1		3	2			1	14
UKM	8	1			1		1	3	14
USM	11							3	14
UIA			1		1				2
UUM	1				2		2	1	6
UTM	7	2	3	3	1				16
UPM	43	2	1	6		1	1	1	55
UITM	113	8	3	13	5	8	16	11	177
UMS				1	14	1			16
UPSI					1			1	2
Jumlah	190	14	8	26	27	10	21	20	316

Sumber: JHEOA, 2007

Jumlah graduan universiti dalam kalangan Orang Asli pula hanya berjumlah 316 untuk keseluruhan tempoh 2000-2007.

**JADUAL 5: Kadar Keciciran Orang Asli di Malaysia, 2000 -2007**

Tahun	Keciciran (%)	
	Selesai Sekolah Rendah tetapi tidak sambung dengan Sekolah Menengah	Tidak Menyelesaikan Tingkatan Lima
2000	21.8	49.6
2001	47.2	52.6
2002	33.9	57.2
2003	43.9	46.1
2004	32.9	54.7
2005	36.7	59.9
2006	34.3	46.3
2007	34.5	36.7

Sumber: JHEOA, 2007

Kadar keciciran pendidikan untuk Malaysia adalah 31,939 pada tahun 2008 (untuk tahap sekolah rendah dan sekolah menengah) (Pemandu, 2008).

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kertas kerja ini mempunyai objektif umum untuk meninjau tahap pendidikan dalam kalangan Orang Asli. Objektif khususnya pula adalah untuk meneliti kadar keciciran pendidikan dalam kalangan penduduk Orang Asli di Cameron Highlands, khususnya di Kg Sungai Ruil, Kg Sungai Cheros, Kg Leyer, Kg Pos Menson, Kg Kuala Boh, Kg Sg Ubi dan Kg Bertam.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Penyelidikan ini telah mendapat bantuan kewangan daripada projek Universiti-Komuniti-2011-022 serta mendapat bantuan pelajar Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia Tahun 2 dan Tahun 3 yang mengikuti kursus Ekonomi Dasar Sosial dan Analisis Sosial dan Politik

dalam Pembangunan. Aktiviti penyelidikan ini berupa sebahagian daripada komponen penilaian berterusan kursus. Pelajar terlibat sama dalam merangka soal-selidik, membincang dan membaiki soal selidik serta membuat kajian di perkampungan Orang Asli di Kg Sungai Ruil, Kg Sungai Cheros, Kg Leyer, Kg Pos Menson, Kg Kuala Boh, Kg Sg Ubi dan Kg Bertam, Cameron Highlands, Pahang. Teknik pengumpulan data terbahagi kepada dua, iaitu:

1. Temubual
  - a) Temubual Formal - Bagi kaedah ini, penulis menemui pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEAO) di Ibu Pejabat Kuala Lumpur dan pihak pengurusan muzium Jabatan Hal Ehwal Orang Asli cawangan di Batu 12 Gombak. Maklumat-maklumat yang diperolehi adalah berkaitan aspek pendidikan, perumahan dan kesihatan masyarakat Orang Asli secara umum. Selain itu, kajian untuk mendapatkan respons tentang pengalaman mereka yang berhadapan dengan masyarakat Orang Asli. Maklumat yang terhasil bagi membantu analisa terhadap borang kaji selidik yang akan dilaksanakan.
  - b) Temubual Tidak Formal - Responden dari tujuh kampung ini telah dipilih secara rawak dan kriteria utama adalah individu yang telah mencapai umur 16 ke atas. Ini disebabkan komuniti Orang Asli biasanya mula mencari pekerjaan dan mendirikan rumah tangga pada usia muda ini. Selain menggunakan data dari lapangan, data sekunder yang relevan juga telah digunakan untuk memperkaya sumber maklumat.
2. Soal Selidik – Instrumen soal selidik digunakan bagi mendapatkan maklumat-maklumat tentang aspek pendidikan, kesihatan dan perumahan masyarakat Orang Asli. Ia membabitkan empat bahagian utama iaitu
 

Bahagian A- Mengenai latarbelakang responden,  
     Bahagian B- Pendidikan dan Keusahawanan Orang Asli,  
     Bahagian C- Perumahan Orang Asli  
     Bahagian D- Kesihatan Orang Asli

Dalam menentukan responden, kaedah sampelan secara rawak dibuat. Ini kerana penulis telah menentukan secara khusus sampel tersebut. Ini kerana ketua isi rumah masyarakat di situ semuanya tidak berada di rumah kerana keluar bekerja. Asas pemilihan yang dilakukan berdasarkan hanya responden yang diyakini dapat memberi kerjasama sahaja. Ini kerana terdapat juga masyarakat di sana yang agak pemalu dan prejudis terhadap orang luar atas sebab-sebab tertentu.

Dalam kajian ini, penyelidik bersama pelajar telah bersemuka dengan responden dan mencatatkan butiran jawapan mereka. Ini bagi memastikan responden memahami dan berpeluang untuk bertanya kembali jika soalan kurang difahami. Langkah ini diambil kerana terdapat dalam kalangan komuniti Orang Asli yang kurang pendidikan bahkan ada yang buta huruf.

Data yang diperoleh telah dimasukkan ke dalam SPSS dan diolah secara mudah untuk menjana kekerapan, jumlah dan jadual silang.

## KAJIAN LITERATUR

Menurut Bynner (1998) pendidikan di Britain mendapat fokus yang tinggi dariapada kerajaan. Ini adalah berikutan hasil pengamatan yang menunjukkan penduduk pada tahun 1960an yang berhenti persekolahan pada usia 16 tahun mudah mendapat pekerjaan sebab jumlah peluang pekerjaan banyak dan kadar pengangguran adalah rendah. Namun demikian, sejak tahun 1970an trend ini mula berubah, sebab individu yang berhenti alam persekolahan sukar mendapat pekerjaan dan bagi yang dapat pekerjaan tidak dapat mengekalkan kerjanya untuk tempoh yang panjang. Tren sporadik ini membimbangkan sebab peluang pekerjaan menjadi semakin tipis. Dalam era globalisasi dengan rancaknya pergerakan pekerja dan canggihnya ICT, pekerja memang perlu dilengkapi dengan pendidikan dan latihan pendidikan vokasional (VET).

Kajian yang dilakukan oleh Santha Kumar a/l Payani Yanai (2001) bertajuk “Masalah Keciciran Pendidikan di Kalangan Anak-anak Orang Asli di Melaka” menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi masalah keciciran pendidikan dalam kalangan anak-anak Orang Asli adalah berdasarkan aspek ekonomi, sosial dan persekitaran budaya. Saranan beliau ialah untuk meneruskan usaha mempertingkatkan taraf pendidikan anak-anak Orang Asli dalam menyelesaikan masalah ini.

Kajian Siti Huwaina Bt Yaacob (1999) bertajuk “*Pencapaian Pendidikan di Kalangan Orang Asli di Kelantan*” lebih menekankan pencapaian pelajar Orang Asli sebagai fokus utama dalam kajiannya. Sekolah dilihat sebagai faktor utama dalam meningkatkan pencapaian pelajar Orang Asli. Beliau telah menumpukan perhatian dalam aspek pentadbiran dan pengurusan sekolah, guru-guru dan pelajar-pelajar serta strategi pelaksanaan program dan perkhidmatan pendidikan yang telah dilakukan oleh kerajaan dan JHEOA (kini dikenali sebagai JAKOA) dalam mengkaji pencapaian pelajar-pelajar Orang Asli.

Ruhaida Mohammad Shohor (1995) telah menjalankan kajian terhadap JHEOA bertajuk “*Penilaian Peranan JHEOA dalam pelaksanaan*”. Kajian ini lebih bersifat kajian organisasi yang menumpukan perhatian kepada peranan yang dimainkan oleh JHEOA. Beliau meneliti sejauh manakah penyediaan perkhidmatan pendidikan oleh JHEOA telah mempengaruhi pencapaian di kalangan komuniti Orang Asli.

Pada tahun 1991, seorang lagi penulis yang membuat kajian tentang Orang Asli iaitu Mohamad Hanif Zakaria bertajuk “*Pendidikan Formal Orang Asli di Kuala Langat Selangor*”. Beliau meneliti persoalan keciciran dengan melihat bilangan pelajar yang mendaftar masuk ke sekolah dan aliran jumlah para pelajar yang dapat bertahan dari setahun ke setahun. Beliau menekankan bahawa masalah keciciran kebanyakannya disebabkan oleh sikap Orang Asli itu sendiri iaitu sikap mereka yang malas. Walaupun begitu, terdapat faktor-faktor lain yang mendorong kepada kecicirannya.

Kajian Zainal Abidin Borhan (1984) “*Pelajaran dan Mobiliti Orang Asli di Gombak*” menfokuskan perubahan yang berlaku dalam kalangan Orang Asli berhubung dengan pekerjaan dan pendidikan. Mobiliti sosial berlaku dengan adanya pertukaran bentuk pekerjaan yang dahulunya lebih bersifat pertanian kepada pekerjaan makan gaji.

## **HASIL KAJIAN**

Bahagian ini akan membincangkan hasil kajian di lapangan.

**JADUAL 6: Sijil Tertinggi Yang diMiliki Responden**

Tahap	Jumlah	Peratus
Tiada Pendidikan Formal	254	52.0
Sek.Ren/UPSR	68	14.0
LCE/SRP/PMR	87	17.9
MCE/SPM/SPMA	39	8.0
SPMVok/Teknik	24	4.9
HSC/STPM/Matrik	2	.4
SPMV/SPMT	9	1.9
Sijil Kemahiran	2	.4
Jumlah	485	100.0

Sumber: Kajian Lapangan, 2011.

Jadual 6 menggambarkan keadaan penduduk di Cameron Highlands. Lebih dari 50 peratus yang tidak mempunyai pendidikan formal. Majoriti mempunyai pendidikan Sekolah Menengah Rendah (17.9%) dan Sekolah Rendah (14 %). Paling rendah adalah pencapaian Sijil Kemahiran iaitu 0.4 peratus sahaja dan tiada graduan IPT. Antara sebab-sebab yang diberikan oleh responden mengapa mereka tidak melanjutkan pendidikan mereka sehingga selesai adalah masalah kewangan, tidak berminat, prestasi akademik tidak memuaskan dan desakan keluarga. Walaupun keadaan kewangan menjadi masalah utama, pencapaian prestasi akademik yang kurang memuaskan menjadikan mereka tidak didorong untuk meneruskan pendidikan mereka. Lagipun, alasan ini juga digunakan oleh ibubapa untuk mengajak anak membantu di kebun atau lading untuk mencari sumber kewangan tambahan dan “tidak membazirkan masa di sekolah”. Terdapat juga alas an lain yang diberikan responden mengapa mereka berhenti sekolah, iaitu sekolah terletak jauh, ingin bekerja, tidak tahu kepentingan belajar, masalah di sekolah, tiada kemudahan, ingin berkahwin, masalah keluarga dan ikut kawan.

Jadual 7: Jadual Silang “Sijil tertinggi yang anda miliki” dan “Apakah jawatan anda dalam pekerjaan utama sekarang”

Sijil tertinggi yang anda miliki	Apakah jawatan anda dalam pekerjaan utama sekarang?				Jumlah
	Majikan	Pekerja bergaji/ upahan	Bekerja sendiri	Pekerja keluarga tanpa gaji	
Tiada Pendidikan Formal	1	56	45	2	104
Sek.Ren/UPSR	4	22	8	0	34
LCE/SRP/PMR	4	35	8	2	49
MCE/SPM/SPMA	3	21	3	1	28
SPMVok/Teknik	1	9	3	0	13
HSC/STPM/Matrik	0	2	0	0	2
SPMV/SPMT	0	3	1	0	4
Sijil Kemahiran	0	0	1	1	2
Jumlah	13	148	69	6	236

Sumber: Kajian Lapangan, 2011.

Jadual 7 menunjukkan bahawa kebanyakan Orang Asli mempunyai pekerjaan bergaji atau mengambil upahan bulanan. Hanya segelintir yang menjadi majikan.

JADUAL 8: Jadual Silang antara “Sijil tertinggi yang anda miliki” dan “Pendapatan”

Sijil tertinggi yang anda miliki	Pendapatan						Jumlah
	bawah 100	101-500	501-1000	1001-1500	1501-2000	2501-3000	
Tiada pendidikan formal	156	46	35	5	1	1	244
Sek.Ren/UPSR	37	21	8	2	0	0	68
LCE/SRP/PMR	40	17	21	8	1	0	87
MCE/SPM/SPMA	12	9	12	6	0	0	39
SPMVok/Teknik	9	4	6	3	2	0	24
HSC/STPM/Matrik	0	0	1	1	0	0	2
SPMV/SPMT	5	1	3	0	0	0	9
Sijil Kemahiran	2	0	0	0	0	0	2
Jumlah	261	98	86	25	4	1	475

Sumber: Kajian Lapangan, 2011.

Jadual 8 di atas menunjukkan bahawa tahap pendidikan yang rendah di kalangan Orang Asli menyebabkan mereka tidak mendapat peluang pekerjaan bergaji tinggi. Sebahagian besar mempunyai pendapatan di bawah RM1000, yang merupakan di bawah garis kemiskinan.

## CADANGAN DASAR DAN KESIMPULAN

### Aspek Ekonomi

#### Pekerjaan

Sektor ekonomi Orang Asli amat bergantung kepada kedudukan Geografi. Bentuk muka bumi yang berbeza memberikan sumber alam yang berbeza. Kegiatan ekonomi memang mempengaruhi keseluruhan masyarakat hidup Orang Asli. Mereka mula merebut peluang untuk mendapatkan pendapatan yang lebih.

Kebanyakan Orang Asli bekerja di ladang-ladang sayur, strawberi dan boh kepunyaan petani Cina dengan mengusaha bersama-sama dengan warga India, Nepal dan Bangladesh. Kebanyakan Orang Asli bekerja hanya untuk tujuan sara diri walaupun bekerja di sekitar Tanah Rata. Apa yang dimaksudkan di sini ialah gaji yang mereka perolehi untuk bulan tertentu akan dihabiskan dalam masa beberapa hari sahaja, tidak untuk tujuan simpanan bagi persediaan masa tua. Selain itu terdapat juga masyarakat Orang Asli yang yang terlibat dalam sektor pertanian.

Terdapat juga penduduk mencari rezeki dengan menjual hasil hutan seperti rotan, kayu dan dammar. Hasil hutan ini akan dijual kepada peraih yang datang ataupun dijual mengikut permintaan.

Mereka mencari hasil-hasil hutan ini juga sekiranya ada pihak yang berminat untuk memperolehinya. Ini menunjukkan masyarakat Orang Asli ini mula terdedah kepada alam perniagaan sebagai salah satu sumber pendapatan utama.

### **Pendapatan Isi Rumah Keluarga**

Berdasarkan temubual yang dilakukan ke atas beberapa responden di kalangan masyarakat Orang Asli di dapati mereka ini tidak mempunyai pendapatan yang tetap. Kebanyakannya responden mempunyai pendapatan mereka dianggarkan sekitar RM 600 hingga RM1000 sahaja. Keadaan ini menyumbang kepada hakikat bahawa mereka tidak memiliki pendapatan bulanan yang mencukupi untuk menampung perbelanjaan bulanan mereka. Namun begitu mereka masih lagi dapat meneruskan kehidupan mereka dengan bergantung kepada pekerjaan sampingan iaitu hasil tanaman yang diusahakan untuk menyara kehidupan mereka. Perbelanjaan mereka banyak digunakan untuk membeli barang-barang keperluan seperti gula, beras, garam dan lain-lain yang diperolehi di pekan sekitar Cameron Highlands atau melalui peniaga bergerak yang datang ke kampung-kampung mereka.

### **Aspek Pendidikan**

Kerjaya dan pendidikan saling berkaitan dalam menentukan status hidup individu. Ia menjadi ukuran kepada kemajuan sesebuah masyarakat. Pihak kerajaan sesebuah negara juga selalu bersandarkan kepada kualiti pendidikan yang dikuasai oleh rakyatnya bagi membangunkan negara. Selain itu, ilmu juga menjadi perangsang kepada individu dan negara untuk mengkaji fenomena sains dan menghasilkan teknologi-teknologi baru yang sesuai dengan keperluan masyarakat dan negara serta mempercepatkan lagi berlakunya proses pembangunan.

Sistem pendidikan yang ditetapkan dalam kalangan masyarakat Orang Asli pada asalnya adalah di bawah kelolaan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEAO). Semasa di bawah kelolaan JHEAO, tenaga pengajarnya merupakan kakitangan JHEAO sendiri dan kalangan masyarakat Orang Asli. Sistem pendidikan ini kemudiannya diambil alih sepenuhnya oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia bermula pada tahun 1995.

### **Kemudahan Pendidikan**

Perkampungan Orang Asli biasanya terletak di kawasan pedalaman. Kampung Sg Ruil paling dekat dengan pecan sementara yang lainnya relative jauh dari pekan. Sekolah tidak semestinya dekat dengan perkampungan. Ini disukarkan dengan keadaan geografi setempat yang berbukit dan dihimpit jurang gaung dan keadaan hutan yang tebal menjadikan mustahil menyediakan setiap kampung sebuah sekolah untuk kemudahan penduduk kampung. Sungguhpun demikian, kemudahan pendidikan tetap diberikan kepada masyarakat Orang Asli tetapi dalam bentuk berpusat. Beberapa pusat pendidikan bagi anak-anak Orang Asli dibina bagi kemudahan beberapa buah kampung.

Pusat-pusat pendidikan ini dirikan di pos-pos yang terdapat di kawasan Orang Asli. Contohnya Pos Menson merupakan pusat pendidikan kepada kampung-kampung di sekitarnya. Antara kemudahan yang terdapat di pusat pendidikan ini adalah seperti sekolah rendah, makmal komputer, perpustakaan, kantin, dewan makan, padang permainan dan juga kemudahan asrama bagi pelajar yang tinggal jauh dari pos. Pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran ke peringkat sekolah menengah pula dihantar ke Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ahmad Shah Tanah Rata Cameron Highlands dan Sekolah Menengah Tengku Kudin Raub. Kedua-dua sekolah ini menyediakan kemudahan asrama untuk pelajar-pelajar yang layak terutamanya pelajar Orang Asli yang datang dari kawasan Cameron Highlands.

Masyarakat Orang Asli merupakan masyarakat yang berstatus pribumi. Disebabkan keistimewaan yang terdapat pada masyarakat ini, maka para pelajar masyarakat ini telah ditaja sepenuhnya oleh pihak kerajaan. Penajaan ini termasuklah bantuan yuran sekolah, pakaian sekolah, makanan, biasiswa, buku-buku dan pengangkutan. Penajaan ini tidak terhenti setakat pendidikan sekolah rendah dan menengah sahaja, malah para pelajar juga ditaja sepenuhnya apabila mereka menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi seperti maktab dan universiti. Selain itu, terdapat juga sebahagian masyarakat Orang Asli yang menanggung keperluan pendidikan anak-anak mengikut kemampuan mereka. Pihak yang bertanggungjawab dalam menjaga kebaikan mereka adalah JAKOA.

Pelajar-pelajar Orang Asli juga, diberikan makanan percuma dalam skim Rancangan Makanan Tambahan (RMT) yang diuruskan oleh pihak JAKOA.

### **Pencapaian Akademik**

Daripada segi pencapaian akademik anak-anak mereka, menunjukkan bahawa para pelajar masyarakat Orang Asli sudah menunjukkan peningkatan jika dibandingkan dengan zaman dahulu.

Di peringkat sekolah menengah pula, kebanyakannya ketua isi rumah berhenti sekolah di peringkat menengah sebelum tamat pengajian di tingkatan lima. Ada yang berhenti sekolah seawal tingkatan dua lagi. Sungguhpun begitu, dengan selaris arus permodenan, masyarakat Orang Asli sudah mula menerima bahawa pendidikan memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti hidup mereka. Mereka sudah menerima untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Ada anak-anak antara mereka yang berjaya menyambung pelajaran ke peringkat diploma dalam pelbagai jurusan. Ini jelas menunjukkan bahawa, anak-anak masyarakat Orang Asli sudah mampu melangkah hingga ke peringkat lebih tinggi dalam bidang pendidikan dan secara langsung boleh bersaing dengan masyarakat lain di Malaysia.

### **Perkembangan Potensi Pelajar Orang Asli**

Pihak sekolah sentiasa mencari bakat-bakat baru yang boleh diketengahkan daripada kalangan anak-anak masyarakat Orang Asli. Antara bidang yang dilihat merupakan landasan terbaik bagi mencungkil bakat mereka adalah bidang sukan dan ilmiah. Ada antara mereka yang berjaya memenangi anugerah dalam pertandingan Kuiz Matematik dan sukan lumba lari. Bakat-bakat anak Orang Asli ini juga sentiasa dicari bagi mengetengahkan potensi mereka yang berbakat khususnya dalam bidang sukan.

### **Kerjaya dan Pencapaian Pendidikan**

Peluang kerjaya dan penguasaan pendidikan di kalangan Orang Asli adalah faktor penting dalam memecahkan tradisi kehidupan mereka. Kerjaya yang memberikan pendapatan yang melebihi keperluan akan memberi ruang kepada mereka untuk menabung bagi persediaan masa tua atau persediaan menghadapi musibah yang berlaku luar jangkaan. Bagi mencapai hasrat ini, tiada cara lain yang dilihat mampu memberi jaminan kepada mereka melainkan melalui pendidikan. Seterusnya pendidikan yang baik pastinya dapat menjaminkan peluang pekerjaan yang baik dan masa depan yang cerah. Antara anak-anak mereka yang telah mendapat pekerjaan yang baik seperti guru, polis hutan, kakitangan JAKOA, pembantu am pejabat, kakitangan pejabat daerah dan lain-lain.

### **Program Latihan dan Kemahiran Serta Program Keusahawanan**

Bagi membangunkan masyarakat Orang Asli dalam meningkatkan pendapatan mereka, segelintir daripada masyarakat Orang Asli pernah menghadiri program latihan vokasional/kemahiran yang dikendalikan oleh JAKOA. Antara kursus kemahiran yang diberikan ialah bahagian automatif, jahitan, pertanian, kraftangan dan sebagainya. Manakala dari sudut keusahawanan pula, tidak ramai masyarakat yang pernah menghadiri ceramah-ceramah keusahawanan. Menurut penyelidikan yang dibuat ada antara mereka yang juga berminat di dalam bidang perniagaan sendiri. Apa yang menjadi penghalang mereka untuk menceburi dalam perniagaan adalahkekangan modal atau kewangan untuk memulakan perniagaan.

### **KESIMPULAN**

Pendidikan dan kerjaya sememangnya dua perkara yang berkait rapat dengan taraf atau kualiti hidup sesebuah masyarakat. Bagi mendapatkan kerjaya yang baik dan pendapatan yang bagus, hanya pendidikan yang baik sahaja yang mampu menjamin impian ini. Begitu juga dengan masyarakat Orang Asli tidak juga ketinggalan di dalam meningkatkan kualiti hidup mereka melalui pendidikan. Pendidikan yang diterima mereka sedikit sebanyak telah membantu mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik. Anak-anak muda masyarakat Orang Asli di perkampungan yang

berhampiran dengan Cameron Highlands, kebanyakannya bekerja di Cameron Highlands dalam sektor kerajaan dan swasta. Bagi mereka yang mempunyai kelayakan di peringkat Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Pelajaran Malaysia, kebanyakannya bekerja di bahagian sokongan di pejabat-pejabat kerajaan. Dalam rangka untuk memajukan mereka pihak kerajaan telah menyediakan berbagai-bagai kemudahan dari segi pendidikan. Tahap pemahaman ibu bapa terhadap kepentingan pendidikan merupakan salah satu faktor utama untuk mampu menyekolahkan anak-anak mereka. Selain itu mereka juga mempunyai harapan terhadap anak-anak mereka iaitu untuk melihat anak-anak ini berjaya ke peringkat universiti sama seperti masyarakat lain.

### **Pengiktirafan**

Kertas kerja ini berdasarkan kajian penyelidikan Komuniti-2011-022.

### **RUJUKAN**

- \_\_\_\_\_(1984) Perkembangan Pelajaran di Kalangan Orang Asli. Rampaian Pengajian Melayu. Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Abdul Talib Bon (2002) Kenali Kami: Masyarakat Orang Asli. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn. Johor.
- Bynner, John. 1998. "Education for what?". Education + Training. 40(1): 4–5.  
<http://dx.doi.org/10.1108/00400919810369541>
- ERA Consumer Malaysia. 2011. School Dropout Rate'Serious'.  
[http://www.eraconsumer.org/eraconsumer/index.php?option=com\\_content&view=article&id=512:orang-asli-school-dropout-rate-serious&catid=39:hr-in-the-news&Itemid=61](http://www.eraconsumer.org/eraconsumer/index.php?option=com_content&view=article&id=512:orang-asli-school-dropout-rate-serious&catid=39:hr-in-the-news&Itemid=61)
- Ibu Pejabat Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEAO) Kuala Lumpur JAKOA. 2011. "Tiga Kunci Elak Keciciran Pelajar Orang Asli – PM." Buletin ASLI. www.jakoa.gov.my.
- Khairul Hisyam Kamarudin& Ibrahim Ngah (2007) *Pembangunan Mapan Orang Asli*. Universiti Teknologi Malaysia. Johor.
- Mohamad Hanif Zakaria(1991) "*Pendidikan Formal Orang Asli di Kuala Langat Selangor*". Disertasi Latihan Ilmiah (tidak diterbitkan) Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Universiti Malaya.
- Muzium Orang Asli, Gombak.
- Noor Sharifah Sutan Saidi (1992) *Pengenalan Perancangan Sosial Di Dunia ketiga* (terj) Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kuala LumpurPemandu. 2008.  
[http://pelajaranperak.gov.my/v2/modules/mastop\\_publish/files/files\\_4b2ed3402c1e0.pdf](http://pelajaranperak.gov.my/v2/modules/mastop_publish/files/files_4b2ed3402c1e0.pdf)
- Ruhaida Mohammad Shohor (1995) "*Penilaian Peranan JHEOA dalam pelaksanaan*". Disertasi Latihan Ilmiah (tidak diterbitkan) Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Universiti Malaya.
- Santha Kumar a/l Payani Yanai (2001) "*Masalah Keciciran Pendidikan di Kalangan Anak-anak Orang Asli di Melaka*". Disertasi Latihan Ilmiah (tidak diterbitkan) Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Universiti Malaya.
- Siti Hajar Abu Bakar Ah (2002) Pengantar Dasar Sosial Malaysia. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Siti Huwaina Bt Yaacob (1999) "*Pencapaian Pendidikan di Kalangan Orang Asli di Kelantan*". Disertasi Latihan Ilmiah (tidak diterbitkan) Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Universiti Malaya.
- Supian Ali, Hairunnizam Wahid, Poo Bee Tin & Zulkefly Abdul Karim (2000) *Ekonomi Dasar Sosial*. Pusat Pengajian Jarak Jauh. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainal Abidin Borhan (1984) "*Pelajaran dan Mobiliti Orang Asli di Gombak*" Disertasi Latihan Ilmiah (tidak diterbitkan) Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Universiti Malaya.